

06 AUG 2001

IAP-MESYUARAT

IAP AKAN TUMPU PADA PERUNTUKAN YANG DIBUAT BAGI PERKEMBANGAN ICT

CYBERJAYA, 6 Ogos (Bernama) -- Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kelima akan memberi tumpuan kepada peruntukan yang dibuat baru-baru bagi perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di Malaysia di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, Rancangan Malaysia Kelapan dan Belanjawan 2001.

Setiausaha IAP Tan Sri Othman Yeop Abdullah berkata mesyuarat itu yang akan diadakan di sini mulai 6 hingga 8 Sept ini dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga akan menumpukan kepada perkembangan dan pengeluaran aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada negara dan keupayaan penggunaannya di negara-negara lain.

Pada taklimat media mengenai mesyuarat IAP itu di sini hari ini, beliau berkata lain-lain isu yang juga akan mendapat perhatian ialah gelombang perdana kedua, e-dagang, aliran pembahagian digital dan teknologi serta peluang-peluang untuk MSC dengan penekanan dijangka mengenai teknologi tanpa wayar, bioteknologi dan penyelesaian.

Sehingga kini beliau berkata 21 daripada 26 anggota dan wakil IAP telah mengesahkan penyertaan manakala yang selebihnya akan berbuat demikian dalam tempoh satu atau dua minggu akan datang. -- BERNAMA

FAY SD NHD